

# PENYERTAAN PEMBANGKANG DALAM PILIHAN RAYA SARAWAK 2001

Suffian Mansor<sup>1</sup>

## Abstract

The article examines the Sarawak state election of 2001. The main focus of this article is the performance of the opposition parties in that election. After the 1999 General Election the performance of the opposition parties, especially Parti Keadilan Nasional showed much improvement although the 1999 election was the Keadilan's maiden entry in the Sarawak state election. While Keadilan did not win any seats in the state election it managed to gain considerable support among the electoral in terms of votes. Therefore some Keadilan leaders were confident that the party would win several seats in Sarawak in the 2001 states election. Apart from Keadilan, other opposition parties and groups such as DAP, PAS and STAR together with an Independent group led by Abang Abu Bakar also hoped to win several seats in this election. This article examines the outcome of the 2001 state election to assess the performance of the opposition parties and considers their prospects for the future.

## Pengenalan

Dalam negara demokrasi seperti Malaysia, pilihan raya merupakan salah satu mekanisme yang menunjukkan bahawa rakyat mempunyai kuasa menentukan kerajaan. Rakyat diberi peluang untuk memilih pemimpin mereka menerusi pengundian. Dalam sistem demokrasi seperti Malaysia, terdapat dua bentuk kerajaan iaitu di peringkat persekutuan dan negeri. Di peringkat persekutuan, rakyat akan membuang undi bagi memilih kerajaan persekutuan. Manakala setiap negeri di Malaysia akan mempunyai kerajaan negeri mereka sendiri.<sup>1</sup> Rakyat setiap negeri ini juga akan menentukan kerajaan negeri ini dengan memilih Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi tempoh lima tahun. Sejak merdeka negara kita telah mengadakan beberapa pilihan raya termasuk di peringkat negeri. Namun demikian di Sarawak pilihan raya negerinya dijalankan secara berasingan dengan pilihan raya umum di peringkat persekutuan. Manakala pilihan raya negeri Sabah mula seiringan dengan pilihan raya umum bagi kerajaan pusat sejak 2004. Ini kerana kedua-dua negeri ini mempunyai isu-isu berlainan yang bercorak tempatan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Di Sarawak, sejarah pilihan raya telah bermula dengan pengenalan pilihan raya peringkat tempatan pada 1956 untuk Majlis Perbandaran Kuching.<sup>2</sup> Pilihan raya umum seluruh negeri pula diadakan pada tahun 1959. Namun demikian, pilihan raya secara langsung pertama diadakan pada tahun 1969. Oleh kerana masalah 13 Mei maka pilihan raya langsung pertama Sarawak terpaksa ditunda sehingga 1970.<sup>3</sup> Sejak dari itu Sarawak mengadakan beberapa pilihan raya negeri dan yang paling terkini adalah pada tahun 2006.

---

<sup>1</sup> Suffian Mansor is a Senior Lecturer in the Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya, Kuala Lumpur.

Tetapi kajian artikel ini hanya akan menumpukan pilihan raya 2001. Pilihan raya 2001 merupakan satu pilihan raya yang boleh dianggap adalah cabaran kepada pihak kerajaan kerana pihak pembangkang mendakwa mereka mampu menggugat pihak kerajaan. Ini berdasarkan kepada prestasi pembangkang dalam pilihan raya umum 1999. Pilihan raya umum persekutuan pada tahun 1999 menyaksikan pihak pembangkang telah membuat beberapa kejutan dengan memperolehi undi yang hampir menumpaskan pemimpin Barisan Nasional negeri. Pemimpin-pemimpin veteran juga menghadapi tentangan hebat. Parti pembangkang utama iaitu Keadilan menunjukkan mereka boleh menggugat pemimpin BN. PAS juga menunjukkan kejayaan agak memberangsangkan dengan memenangi undi yang agak besar walaupun menyertai pilihan raya umum buat kali pertama di Sarawak. Keadaan ini menimbulkan banyak keyakinan dari pihak pembangkang bahawa pilihan raya 2001 akan menyaksikan pihak kerajaan tidak akan dapat menguasai seluruh kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Dalam artikel ini saya akan membuat analisis kemampuan pihak pembangkang dan masa depan pihak pembangkang negeri Sarawak pada pilihan raya akan datang.

### **Penyertaan Pembangkang**

Pilihan raya negeri Sarawak sering memperlihatkan pembangkang sering mencabar pihak kerajaan negeri Sarawak. Cabaran yang paling sengit dihadapi oleh pihak kerajaan negeri Sarawak ialah pada tahun 1971, 1983, 1987 dan 1991. Namun demikian salah satu keunikan politik Sarawak ialah kerajaan negeri merupakan sebuah kerajaan yang kukuh sejak 1971. Hanya sebelum tahun itu terdapat kegoyahan sedikit kerajaan negeri dengan isu-isu tanah, pegawai dagang dan bahasa Melayu.<sup>4</sup> Pada awal penubuhan Malaysia, parti kerajaan terdiri daripada gabungan parti-parti kecil yang dikenali sebagai Perikatan Sarawak. Pada tahun 1974 Parti Perikatan Sarawak ditukar menjadi BN sehingga sekarang. Sementara itu, pihak pembangkang Sarawak terdiri dari pelbagai parti yang umpama cendawan dan ada juga yang menyertai kerajaan negeri selepas gagal menumbangkan BN negeri. Antara parti-parti pembangkang di Sarawak ialah Parti Negara Rakyat Sarawak, Bisamah, Parti Umat Sarawak (UMAT), Parti Rakyat Jati Sarawak (Pajar selepas itu ditukar menjadi Bersatu), Parti Rakyat Malaysia Sarawak (PERMAS) dan *Sarawak People's Organisation* (SAPO). Parti-parti ini telah lama menyepi dan kebanyakannya telah dibubarkan atau menghadapi masalah-masalah lain. Manakala parti-parti pembangkang lain seperti Sarawak *United People Party* (SUPP), Parti Negara Sarawak (PANAS), *Sarawak National Party* (SNAP) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) telah menyertai pihak kerajaan negeri. Hanya *Democratic Action Party* (DAP) sahaja yang menyertai setiap pilihan raya negeri Sarawak sejak 1979.<sup>5</sup> Sementara itu, calon bebas merupakan calon yang paling ramai menyertai pilihan raya Sarawak sejak awal pilihan raya hingga ke hari ini.

Pilihan raya 2001 menyaksikan beberapa parti baru muncul di dalam pilihan raya negeri Sarawak. Namun demikian ia bukan bererti baru dalam arena politik Malaysia tetapi ia dikatakan baru muncul dalam pilihan raya negeri Sarawak pada tahun 1991. Mereka juga pernah menyertai pilihan raya umum persekutuan di negeri Sarawak pada tahun 1999. Selain DAP, terdapat dua parti dari Semenanjung yang mencuba nasib di Sarawak, iaitu Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Islam SeMalaysia (PAS). Kemunculan Keadilan dibantu oleh bekas-bekas pemimpin PERMAS seperti Wan Zainal Abidin Wan Sanusi, Datuk Hafsa Harun dan Haji Bujang Ulis. Sebuah parti tempatan yang menyertai pakatan dengan Keadilan iaitu *Sarawak Reform Party* (STAR). STAR pula dipimpin oleh

bekas naib presiden SNAP iaitu Dr. Patau Rubis. Patau merupakan bekas ahli SNAP yang dipecat daripada parti itu pada tahun 1996 kerana dituduh menyokong calon bebas dalam pilihan raya umum 1995.<sup>6</sup> Selain itu, satu lagi kumpulan yang mendakwa ingin membawa UMNO ke Sarawak di bawah bekas Menteri Pertahanan dan bekas Timbalan Presiden PBB iaitu Datuk Abang Abu Bakar telah menyertai pilihan raya ini dengan menggunakan tiket bebas. Mereka ini lebih dikenali sebagai kumpulan ABU<sup>7</sup>. Penyertaan Kumpulan ABU ini bertitik tolak daripada tindakan PBB tidak menyenaraikan Abang Abu Bakar sebagai calon BN dalam pilihan raya 1999. Sebelum itu kedudukan beliau pula dicabar dalam PBB yang berakhir dengan kekalahan beliau mempertahankan jawatan Timbalan Presiden PBB pada tahun 1998.<sup>8</sup> Dalam pilihan raya ini parti-parti pembangkang boleh dikelaskan kepada dua kumpulan utama. Kumpulan pertama adalah Barisan Alternatif (BA). Namun demikian, BA peringkat negeri Sarawak tidak begitu jelas kerana ia tidak dianggotai oleh PAS. Di peringkat pusat PAS adalah sebahagian dari ahli kumpulan BA. Sementara itu, DAP telah keluar dari kumpulan ini pada saat akhir tarikh pengundian ini. Selain dua parti ini, terdapat dua lagi ahli kumpulan BA, iaitu Keadilan dan STAR. Sementara itu, kumpulan kedua adalah kumpulan ABU yang terdiri dari calon bebas. Selebihnya terdiri daripada calon bebas yang lain. Secara umumnya pecahan jumlah kerusi yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

**Kerusi Ditandingi Mengikut Parti**

No.	Parti	Kerusi
1.	BN	62
2.	Keadilan	25
3.	DAP	13
4.	STAR	5
5.	PAS	3
6.	Bebas	63

Dari penelitian pembahagian kerusi ini Keadilan meletakkan calonnya di kawasan 25 kerusi iaitu 13 Melayu/Melanau, empat Cina dan enam Iban serta setiap satu bagi kerusi Bidayuh dan Orang Ulu.<sup>9</sup> DAP pula banyak tertumpu di kerusi kaum Cina. Sementara itu, STAR mencuba nasib di kerusi kaum Dayak terutama kawasan Bidayuh. PAS hanya meletakkan calonnya di kawasan majoriti Melayu. Manakala, calon-calon bebas bertanding di hampir semua kerusi di Sarawak. Pada hari penamaan calon, BN telah memenangi empat kerusi tanpa bertanding di N11 Batu Kawah, N25 Batang Air, N49 Katibas dan N62 Ba'kelalan. Pilihan raya yang berlangsung pada 18 – 27 September 2001 ini merupakan satu cabaran besar bagi pihak BN negeri. Ini kerana banyak pihak menjangka pihak kerajaan BN akan dicabar hebat oleh pihak pembangkang terutama di kerusi majoriti Melayu. Jangkaan ini dibuat atas perkiraan keputusan pilihan raya umum 1999. Dalam pilihan raya tersebut calon-calon BN ternyata menghadapi persaingan hebat dari pihak pembangkang terutama dari Keadilan. Keadaan ini berlaku khususnya di dua kawasan parlimen Sarawak, iaitu di Petra Jaya dan Santubong. Calon Keadilan di Petra Jaya iaitu Wan Zainal telah mengurangkan majoriti calon BN iaitu Datuk Sulaiman Daud hanya 2870 undi.<sup>10</sup> Manakala, di parlimen Santubong calon BN iaitu Rohani Karim

dikejutkan dengan pengurangan majoriti dari 9911 undi (1995) kepada 1895 undi.<sup>11</sup> Situasi ini menyebabkan kedua-dua calon ini meminta diadakan *post-mortem* untuk meneliti permasalahan yang menyebabkan keadaan ini berlaku.<sup>12</sup> Di kawasan-kawasan lain juga calon pembangkang juga berjaya mengurangkan undi calon BN seperti di Batang Sadong, Mas Gading dan Seratok.

Kejayaan pihak pembangkang ini telah menyebabkan pihak pembangkang yakin bahawa mereka boleh membuat kejutan. Keadaan ini juga menyebabkan tarikh pilihan raya menjadi tekaan setiap pemerhati politik dan wartawan. Banyak tarikh-tarikh telah dijangka untuk pilihan raya ini berlangsung tetapi kebanyakannya meleset. Akhirnya pilihan raya ini dilangsungkan pada tarikh tamatnya tempoh DUN negeri Sarawak untuk tempoh lima tahun iaitu pada 18 – 27 September 2001. Sepanjang pilihan raya tersebut pihak pembangkang berkempen mengkritik pihak kerajaan BN dengan isu tanah dan kepimpinan ketua menteri. Ramai pemimpin pembangkang dari Semenanjung juga telah turun padang dan membantu kumpulan BA dan DAP.

### Keputusan

Namun demikian, keputusan pilihan raya mengecewakan pihak pembangkang. Dari 60 kerusi dipertandingkan hanya dua kerusi dimenangi pihak pembangkang iaitu di N36 Meluan dan N53 Kidurong. Kerusi N36 Meluan dimenangi oleh calon bebas dan N53 Kidurong dimenangi oleh calon DAP. Secara statistiknya kerusi yang dimenangi, jumlah undi dan peratusan undi yang diperolehi oleh parti-parti ini terdiri daripada berikut:

#### Keputusan Pilihan raya DUN Sarawak 2001: Jumlah Kerusi, Undi dan Peratusan Undi

Parti	Kerusi dimenangi	Jumlah undi	Peratus Jumlah undi
BN	60	381,859	70 %
Keadilan	0	39,129	7.1 %
DAP	1	44,146	8.1 %
STAR	0	10,461	1.9 %
PAS	0	2854	0.5 %
Bebas	1	59,605	11 %

Seramai 67 peratus atau 546,285 pengundi telah keluar mengundi. Daripada penilaian rajah di atas bolehlah dianggap bahawa BN telah menunjukkan kejayaan yang cemerlang. Walaupun gagal menyapu bersih kerusi DUN, namun pihak BN boleh berbangga dengan kejayaan mereka kerana berjaya mengenyahkan cabaran hebat daripada pihak pembangkang. Bagi pihak pembangkang pula pilihan raya negeri ini menunjukkan mereka gagal mendapat sokongan rakyat Sarawak. Malahan undi yang mereka perolehi juga menurun. Keadaan ini menimbulkan tanda tanya kerana sebelum ini pihak pembangkang (terutama Keadilan, DAP dan PAS serta kumpulan ABU) dijangka

dapat mampu mengurangkan penguasaan BN negeri dalam DUN Sarawak. Ini kerana isu yang dibawa oleh pihak pembangkang menampakkan ia mampu menggugat BN. Isu tanah NCR (*Native Customary Rights*) penduduk bumiputera digunakan oleh pihak pembangkang memang dapat menarik ramai pengundi. Keadilan mendedahkan bahawa 25 peratus keluasan tanah di Sarawak telah menjadi hak milik pemimpin BN Sarawak. Mereka juga menuduh BN menipu penduduk Sarawak dalam agenda pembangunan apabila meminta penduduk tempatan mengosongkan tanah mereka atas nama pertanian berkelompok dan perhutanan semula.<sup>13</sup> Untuk tujuan itu mereka telah menyebarkan risalah bertajuk "Ke mana pergi 3,000,000 hektar tanah?"<sup>14</sup> Selain itu, Keadilan juga menggunakan isu orang Melayu yang dipinggirkan dalam soal ekonomi dan politik.<sup>15</sup> Ketua Menteri juga menjadi isu utama pihak pembangkang. Kumpulan ABU juga membawa isu orang Melayu dan UMNO. Selain isu-isu itu, pihak Keadilan juga telah membawa isu royalti minyak apabila mereka meminta kadar royalti itu dinaikkan dari 5 peratus kepada 15 peratus.<sup>16</sup>

Prestasi calon-calon pembangkang dalam pilihan raya ini menunjukkan mereka tidak mampu menggugat calon BN. Hanya di setengah-setengah kawasan sahaja menunjukkan mereka memberi saingan hebat seperti di N8 Padungan, N24 Engkilili, N30 Belawai, N37 Ngemah, N39 Bukit Assek, N59 Telang Usan dan N60 Limbang. Kebanyakan calon pembangkang ini dapat mengurangkan majoriti calon BN dengan jumlah undi sekitar 1000 undi ke bawah. Calon-calon pembangkang seperti Keadilan dan DAP menunjukkan rasa kecewa mereka kerana tidak menjangka bahawa akan kalah teruk. Ahli DUN Lunas Saifuddin Nasution menjangka bahawa pihak Keadilan mampu memenangi tiga kerusi iaitu di Simunjan, Pantai Damai dan Satok.<sup>17</sup> Sementara itu, Setiausaha DAP, Kerk Kim Hock menjangka DAP juga mampu memperolehi tiga kerusi tetapi tidak menyatakan kerusi-kerusi yang dijangka dimenangi.<sup>18</sup> Dalam Website Detik pula menyenaraikan 24 kerusi DUN Sarawak sebagai kawasan kelabu bagi BN kerana ia adalah kawasan 50:50.<sup>19</sup> Namun demikian ia tidak menamakan semua kawasan tersebut.<sup>20</sup> Malahan kerusi kelabu yang dinyatakan ini juga tidak menunjukkan persaingan hebat kerana BN nampak mudah memenangnya. Hanya kerusi Pandungan dan Kidurong menunjukkan bahawa BN ditentang hebat dengan kejayaan pihak DAP memenangi kerusi Kidurong. Limbang yang ditandakan kawasan hitam sahaja yang menunjukkan BN hampir ditumpaskan. Manakala, kerusi Pelagus yang disenarai hitamkan juga menunjukkan BN menang besar. Kebanyakan ramalan pihak pembangkang ini meleset dengan kekalahan ramai pemimpin utama pembangkang seperti Dr. Patau Rubis (STAR), Haji Bujang Ulis (Keadilan), Datuk Abang Abu Bakar Abang Mustapha (Bebas), Zulrusdi Mohamad Hol (Keadilan), Kebin Wan (Bebas) dan Richard Wong Ho Leng (DAP).

### **Prestasi Pembangkang**

Dari prestasi pembangkang dalam pilihan raya ini jelas menunjukkan bahawa ramalan mereka merosot dan keadaan ini menimbulkan banyak tanda tanya. Mengapakah keadaan ini boleh berlaku kerana sebelum ini mereka penuh yakin akan dapat menggugat pihak BN negeri. Untuk menganalisa sebab-sebab kegagalan pihak pembangkang ini maka dalam artikel ini akan membahagi perbincangan kepada dua bahagian iaitu perbincangan menjurus kepada kumpulan Alternatif (BA) dan kumpulan ABU.

***Kumpulan Alternatif***

Kumpulan ini secara umumnya terdiri daripada Keadilan, STAR, PAS dan DAP. Namun demikian, kumpulan ini yang dianggap BA tidak begitu jelas di peringkat negeri Sarawak. Di peringkat pusat BA ini terdiri daripada Keadilan, PAS, PRM dan DAP.<sup>21</sup> Namun demikian, keadaan di Sarawak tidak menunjukkan keadaan yang sama dan kurang jelas. Ini kerana PAS tidak dilihat sebagai salah satu komponennya. DAP pula menunjukkan sikap pengasingannya dari BA walaupun masih menunjukkan kerjasama. Perkara ini dijelaskan oleh Pengerusinya Richard Wong Ho Leng yang menyatakan mereka telah keluar dari kumpulan ini tetapi masih mengekalkan kerjasama dalam menghadapi pilihan raya negeri.<sup>22</sup> Keadaan ini menunjukkan BA Sarawak agak pelik kerana ia tidak menunjukkan perpaduan yang kuat. Keadaan inilah juga menimbulkan masalah kepada pihak BA dalam pilihan raya negeri 2001. Masing-masing ahli kumpulan ini tidak menunjukkan mereka bersatu dan keadaan ini menjadikan isu yang dicanang oleh BN untuk menarik sokongan pengundi. Masing-masing parti ingin menjadi juara dalam perjuangan kumpulan ini. Oleh kerana itu, mereka sukar mendapat persetujuan dalam beberapa isu terutamanya soal pembahagian kerusi. Menjelang pilihan raya negeri tahun lepas, Keadilan dan DAP tidak dapat menyelesaikan usaha pembahagian kerusi. Keadilan yang mempunyai bekas ahli DAP cuba mendesak kepimpinan parti untuk bertanding di kawasan tradisi DAP. Keadaan ini tidak dipersetujui oleh DAP. DAP membantah dan berpendapat bahawa mereka harus mengekalkan kerusi tradisi mereka. Keadaan ini tidak dapat diterima oleh Keadilan kerana mereka mendakwa mereka mempunyai peluang yang cerah di kawasan DAP. Keadaan ini berkekalan sehingga mereka terpaksa melawan pihak BN lebih dari satu calon. Pada hari penamaan calon Keadilan dan DAP bertembung di tiga kawasan iaitu N1 Tanjung Datu, N9 Pending dan N34 Repok. Keputusan pilihan raya menunjukkan kedua-dua calon pembangkang ini kalah teruk di N1 Tanjung Datu.

Masalah ini juga berlaku di antara Keadilan dan STAR. Di N29 Krian kedua-dua calon ini melawan calon BN dan juga menghadapi kekalahan teruk. Sebelum ini Keadilan menerusi Naib Presidennya, Tian Chua cuba merapatkan hubungan partinya dan STAR dengan mencadangkan pergabungan kedua-dua parti ini. Namun Setiausaha STAR, Francis Siah menunjukkan sikap yang tidak berminat dan memberi alasan bahawa pergabungan itu harus dicadangkan dahulu oleh presiden Keadilan. Malahan beliau secara sinisnya mengkritik Tian Chua sebagai:

I think Tian Chua is considered a trigger-happy gun-slinger from Wild Wild West who enjoys going in and out of jail and being hauled before the court ... If a person goes to prison once for any fight against injustices, people will consider him a martyr. But if he goes in and out of jail many many times, then I think he is a clown ...<sup>23</sup>

Kenyataan dari Francis ini jelas memperlihatkan bahawa terdapat titik pemisahan yang menyukarkan kerjasama diantara parti-parti ini. Malahan STAR dilihat mewujudkan dasar sendirian dalam melawan BN tanpa sokongan daripada mana-mana parti.

Selain itu STAR juga menghadapi masalah tersendiri kerana berlaku ketidaksepakatan diantara pemimpin tertinggi parti tersebut. Pertama, timbalan setiausaha agong STAR iaitu Dr. Jerip Susil keluar dari parti tersebut dan menyertai SUPP. Beliau merupakan

calon yang hampir menggugat peluang calon BN dalam pilihan raya umum 1999 di kawasan parlimen Mambong. Beliau yang mendapat 9,655 undi dan calon BN iaitu Dr. James Dawos Mamit mendapat 11,327 undi.<sup>24</sup> Kedua pula tindakan Setiausaha Agongnya iaitu Francis Siah bertanding atas tiket bebas di N10 Batu Lintang telah mencabar bukan setakat calon BN tetapi juga calon Keadilan. Beliau yang sepatutnya diminta bertanding di N11 Batu Kawah tetapi tidak berbuat demikian. Keadaan ini telah membolehkan calon BN di kawasan tersebut menang tanpa bertanding. Beliau juga telah menyuarakan bahawa STAR harus disusun semula untuk memberi laluan golongan muda memimpin STAR.<sup>25</sup> Keadaan ini menyebabkan beliau dikritik. Selepas pilihan raya negeri menunjukkan Siah bukan setakat kalah tetapi hilang wang pertaruhan.<sup>26</sup> Dr. Patau Rubis telah menyatakan bahawa, “[b]y not standing in Batu Kawa, Francis Siah (STAR’s secretary general) has betrayed the party and he should see his loss in Batu Lintang as public asking him to shut up and disappear because he talks too much.”<sup>27</sup> Perbalahan dalaman STAR ini menunjukkan bahawa STAR masih lagi lemah dan gagal mengawal ahli-ahlinya sendiri sehingga menyebabkan ahli-ahlinya melawan dasar parti. Selain itu, PAS dengan agendanya tersendiri juga tidak menunjukkan kesepakatan kerana mereka yang seolah-olah bergerak dalam rangka yang tersendiri telah menentang calon Keadilan di N7 Semariang. Keadaan ini telah menyebabkan kedua-dua calon kalah di tangan calon veteran wanita BN. Lebih malang bagi PAS kerana hilang wang pertaruhan kerana hanya mendapat 468 undi. Penyertaan PAS dalam pilihan raya ini juga menunjukkan tentangan dari Setiausaha Agong STAR, Francis Siah. Beliau berpendapat bahawa PAS tidak akan mendapat sokongan dari orang Cina dan Dayak. Malahan, beliau berpendapat bahawa penyertaan PAS akan membawa kepada perspektif bahawa pembangkang Sarawak menyokong polisi Islam PAS. Beliau berharap PAS memberi laluan kepada Keadilan untuk bertanding di kawasan majoriti Melayu.<sup>28</sup> Keadaan ini menyebabkan pihak kerajaan lebih senang mengkritik pembangkang yang akan membawa elemen-elemen extremism di Sarawak. Malahan pembangkang hanya cuba mengelirukan rakyat dalam usaha menegakkan negara Islam.<sup>29</sup> Malahan pembangkang juga disamakan dengan politik jalanan dan keganasaan.<sup>30</sup> Tambahan peristiwa 11 September 2001<sup>31</sup> membantu BN untuk menyuarakan kepentingan keamanan dan kestabilan. Gambaran ini menunjukkan pembangkang sebagai elemen negatif dimata pengundi yang cinta akan keamanan dan kestabilan politik.

Dengan keadaan yang tidak menunjukkan perpaduan yang sebenar, BA telah dikritik oleh pihak kerajaan. Dalam ucapan Perdana Menteri di lapangan terbang Sibu beliau berkata bahawa, “[t]hey (pembangkang) are merely a gang of cheats, they not only deceive the rakyat but they also try to cheat their friends in opposition . . .”<sup>32</sup> Perkara ini menjadi isu utama BN dalam mengkritik kewibawaan pihak pembangkang untuk memerintah. Menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan bahawa kerjasama antara pembangkang ini tidak kukuh dan tidak memungkinkan pembangkang membentuk kerajaan negeri.<sup>33</sup> Daripada perbincangan di atas pengundi juga mula keliru dan melihat percaturan pembangkang ini tidak menunjukkan bahawa mereka bersatu. Akibat daripada masalah kurang perpaduan ini maka pengundi pembangkang akan menghadapi delimma. Akhirnya akan membawa kepada dua situasi, iaitu pengundi membahagi undi mereka antara pembangkang dan ada yang kecewa telah menanda semua petak undi dalam borang undi. Kekeliruan pengundi terhadap percaturan ini membuat keputusan yang kurang baik kepada pihak pembangkang. Rakyat Sarawak pada amnya juga tidak yakin pada pakatan pembangkang yang rapuh dan sering berbalah sama sendiri. Mereka tidak mempunyai satu asas atau persamaan

yang boleh menyatukan mereka sebagai sebuah pakatan yang kuat seperti BN. BN mempunyai tradisi pakatan yang bertahan lama walaupun menghadapi ancaman keluar parti oleh ahlinya.<sup>34</sup> Dengan kata lain BA belum lagi *solid* menjadi satu pakatan yang benar-benar menyakini rakyat bagi mengganti BN.<sup>35</sup>

Keadilan yang bertanding di 25 kerusi telah kalah keseluruhan kerusinya dan 10 calonnya hilang wang pertaruhan. Sementara itu, seorang calon dari PAS dan STAR masing-masing juga hilang wang pertaruhan. Bagi calon-calon DAP seramai 4 orang calonnya telah hilang wang pertaruhan. Seramai 44 calon bebas pula hilang wang pertaruhan. Menurut penasihat undang-undang Keadilan, iaitu Dominique Ng Kim Ho, "[i]t was quite unexpected because we had a lot of high hopes after parliamentary election. We were hoping to break through in a couple of seats, especially in the Malay areas."<sup>36</sup> Sementara itu, Pengerusi DAP negeri, Wong Ho Leng hanya menyatakan satu perkataan sahaja tentang prestasi pembangkang (dari Semenanjung) iaitu disaster.<sup>37</sup> DAP yang menggunakan taktik terakhir dengan cuba menyatakan mereka keluar dari BA juga gagal mendapat keputusan yang baik. Taktik ini dinyatakan oleh calon SUPP Dudong, Dr. Soon Choon Teck sebagai taktik lama. "They (DAP) say they are going to lose anyway, and pleaded to the voters not to let them lose heavily. . . . This was exactly the tactic they employed in the 1996 state election resulting in the defeat SUPP's Dr. Wong Soon Kai in Bukit Assek in Pelawan."<sup>38</sup> Timbalan Ketua Menteri, Datuk George Chan juga memberi pendapatnya sendiri tentang perkara ini, "[t]o me it is just a 'Wayang Kulit', come 2004 they will join hands again and fool the people. How can you trust such an alliance."<sup>39</sup>

### ***Kumpulan ABU***

Kumpulan kedua pembangkang ini agaksenyap dan tidak jelas mengenai kempen-kempen mereka. Namun Kumpulan ABU ini tidak ketinggalan menggunakan media maya iaitu internet untuk berkempen. Walaupun blog belum terkenal pada masa itu tapi Kumpulan ABU memahami bahawa internet boleh menjadi alat kempen mereka mengatasi media elektronik kerajaan. Berdasarkan yang diperolehi, ia dipimpin oleh Abang Abu Bakar dan akan meletakkan calonnya di 42 kerusi. Beliau mula menggunakan nama UMNO dalam kempenya. Sebelum itu, beliau mula menggunakan isu UMNO untuk mencabar kepimpinan Ketua Menteri. Beliau telah menjalankan kempen pendaftaran ahli UMNO untuk penduduk Sarawak, dan di rumah beliau sendiri bendera UMNO telah dikibarkan. Keadaan ini pada dasarnya tidak disetujui oleh kepimpinan UMNO pusat kerana ia akan menjejaskan hubungan mereka dengan pihak PBB pimpinan Abdul Taib Mahmud. Walaupun isu ini telah reda seketika, namun Abang Abu masih menggunakan isu UMNO dalam pilihan raya negeri. Usaha menggunakan nama UMNO merupakan salah satu strategi untuk meraih sokongan penduduk Melayu. Oleh kerana UMNO sebagai pendukung kepada perjuangan dan kebajikan orang Melayu, maka dengan langkah cuba menyatukan orang Melayu Sarawak dibawah bumbung organisasi politik yang lebih besar mampu menunjukkan bahawa Abang Abu sebagai penyatuan orang Melayu bagi melawan kepimpinan Melanau dibawah Abdul Taib dalam PBB. Isu Melayu Melanau memang menjadi isu yang agak sensitif kerana ia boleh mencabar kepimpinan Abdul Taib Mahmud yang berketurunan Melanau. Isu Melayu Melanau bukan satu isu baru tapi pernah menjadi isu pada tahun-tahun 1960-an.



Untuk menenangkan keadaan, pemimpin UMNO pusat telah mengeluarkan kenyataan sendiri untuk menafikan bahawa mereka bersetuju dengan cadangan Abang Abu untuk membawa UMNO ke Sarawak. Perdana Menteri sendiri telah menyatakan bahawa UMNO tidak menyokong cadangan tersebut dan UMNO akan hanya memberi sokongan kepada ahli komponen BN negeri dalam pilihan raya kali ini.<sup>40</sup> Menurut kenyataan Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi:

Saya harap mereka semua berhenti sekarang juga daripada membuat apa-apa kenyataan atau pengakuan berhubung dengan Umno atau pengakuan berhubung kait dengan Umno atau membayangkan yang Umno akan bersama mereka ... Ini semua tidak timbul. Sesiapa yang mendakwa bahawa dia mewakili Umno dan dia buat sesuatu kerana Umno untuk masa depan (bertapak di Sarawak), itu semua satu pembohongan ... Oleh itu, jangan sesiapa menggunakan Umno untuk mendapat sokongan kepada partinya. (*Berita Harian*, 13 Ogos 2001)

Beliau juga menambah bahawa UMNO akan memberi sokongan kepada pihak BN negeri di bawah pimpinan Datuk Abdul Taib Mahmud. Kenyataan beliau ini dipanjangkan lagi oleh Ketua Pemuda Umno iaitu Datuk Hishammuddin Tun Hussein. Beliau memberi amaran kepada sesiapa yang cuba menggunakan nama UMNO untuk kepentingan sendiri. Beliau berkata, "[w]e will only support the Barisan Nasional candidates in the state election. . . . Candidates other than the Barisan Nasional's are the opposition." (*The Star*, 3 September 2001) Beberapa pemimpin UMNO juga memberi penjelasan bahawa UMNO tidak akan mempunyai kaitan dengan Kumpulan Abang Abu. Dato' Seri Mohamad Nazri Abdul Aziz mengkritik Abang Abu hanya mengejar kepentingan sendiri dengan menggunakan nama UMNO. "What he is doing now is fighting for his personal glory and we don't sympathise with him. When he is no longer a minister, he goes against the government. Even though we were one good friends, I don't sympathise with him at all." (*The Sarawak Tribune*, 26 September 2001) Dalam kenyataan Abang Abu menyatakan bahawa, "I only said . . . if our independent candidates win the election, and at same time UMNO is ready to spread its wing to Sarawak, we will accepts it [UMNO] with an open arm," (*The Borneo Post*, 11 Ogos 2001) Kenyataan beliau ini menunjukkan bahawa beliau mempunyai hasrat untuk membawa UMNO ke Sarawak. Dengan kata lain, Abang Abu cuba mencabar kepimpinan Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud di Sarawak.

Perjuangan Abang Abu ini dalam mengukuhkan kedudukan politiknya telah mengulangi sejarah ayahnya ketika pilihan raya 1963. Walaupun ketika itu, ayahnya, Datuk Bandar Abang Mustapha tidak menggunakan nama UMNO, namun beliau mengaitkan bahawa beliau mendapat sokongan dari pihak pusat khususnya dari Tunku Abdul Rahman ketika itu.<sup>41</sup> Pihak UMNO ketika itu juga menafikan berkali-kali bahawa PANAS, iaitu parti pimpinan Abang Mustapha mendapat sokongan dari pihak persekutuan.<sup>42</sup> Namun demikian, ayah beliau lebih bernasib baik kerana kepopularitiannya membawa PANAS memenangi banyak kerusi. Manakala Abang Abu pula sebaliknya. Kenyataan-kenyataan pihak UMNO melemahkan kempen beliau menarik sokongan orang Melayu. Sokongan dari UMNO atau kerajaan pusat penting dalam pilihan raya Sarawak. Sejak awal kemasukan Sarawak dalam Malaysia, pihak kerajaan pusat memainkan peranan untuk kejayaan kebanyakan pemimpin negeri. Kejatuhan Ketua Menteri Pertama Sarawak

iaitu Datuk Stephen Kalong Ningkan menunjukkan bagaimana kerajaan pusat boleh membantu golongan lawan Ningkan untuk menggantikan Ningkan dengan Tawi Sli pada tahun 1965. Ini merupakan salah satu contoh bagaimana kerajaan pusat boleh menentukan kejayaan karier seseorang ahli politik. Selain isu UMNO, Abang Abu juga berkongsi isu tanah adat (NCR) dengan pihak BA. Beliau juga mencanangkan isu hak orang Melayu dan juga mengkritik kepimpinan Abdul Taib Mahmud yang dikatakan tidak adil, iaitu sama dengan kepimpinan Abdul Rahman Yakub terdahulu.

### **Pola Keputusan Pilihan raya Sarawak**

Secara keseluruhannya, pilihan raya Sarawak 2001 menampakkan tidak ada perubahan yang ketara. Ini kerana sokongan rakyat Sarawak ke atas BN boleh dianggap amat kuat. Tujuh puluh peratus undi diperolehi oleh BN menunjukkan rakyat Sarawak masih mahu kerajaan BN pimpinan Abdul Taib Mahmud. Manakala, pembangkang tidak menunjukkan impak yang besar. Mereka yang dikatakan mampu menggugat BN ternyata kalah teruk. Kepincangan dalam barisan pembangkang merupakan salah satu masalah terbesar pihak pembangkang. Sebelum pilihan raya lagi pihak pembangkang telah menunjukkan sikap ketidaksepakatan. Tuduhan menuduh dan tidak bertolak ansur menunjukkan pihak pembangkang melawan sesama sendiri. Menambahkan masalah pihak pembangkang ialah kemunculan kumpulan ABU terus merosakkan peluang pihak pembangkang untuk menggugat kerajaan negeri. Salah seorang pemimpin Keadilan iaitu Dominic Ng menyatakan menyertai kumpulan ABU sebagai "*a nuisance factor*". Keadaan di pilihan raya Sarawak ini umpama dengan pilihan raya Sabah 1999 yang menyaksikan pepecahan undi yang besar bagi undi pembangkang. Sudah semestinya pembangkang tidak mendapat undi secukupnya untuk menang. Dengan kata lain, pihak pembangkang telah kalah pada hari penamaan calon lagi. Dalam pilihan raya ini pembahagian perlawanan di antara calon adalah seperti berikut:

#### **Pecahan Pertandingan Mengikut Bilangan Calon**

Satu lawan satu	23 kawasan
Tiga penjur	23 kawasan
Empat penjur	8 kawasan
Lima penjur	4 kawasan

Akhirnya, pilihan raya ini memberi laluan yang mudah kepada pihak BN untuk mengekalkan kuasa mereka. Kerana sejarah politik Sarawak menyaksikan bahawa politik pembangkang di Sarawak umpama cendawan yang hanya muncul masa pilihan raya. Selepas itu hilang dan mungkin bertahan untuk tempoh lima ataupun sepuluh tahun.

Oleh itu parti-parti pembangkang ini umpama parti nyamuk. Mereka yang menubuh parti ini sebagai reaksi tidak puas hati kepada kerajaan tetapi mereka tidak mempunyai kekuatan bagi melawan parti pemerintah. Kekuatan BN dengan 3M iaitu *Money, Media and Machinery*.<sup>43</sup> Bagaimanakah parti-parti kecil termasuk DAP dan Keadilan

ini dapat melawan BN yang telah bertapak kukuh dengan mempunyai kelebihan 3M? Sebagai contohnya BN telah menggunakan media elektronik kerajaan sejak awal lagi dan bertambah selepas hari penamaan calon. Wawancara dengan pemimpin negeri BN dan program 'Untukmu Sarawak' ditayangkan bagi menunjukkan jasa BN membangun Sarawak dan klip video kemajuan Sarawak<sup>44</sup> merupakan kempen-kempen yang sudah cukup menarik sejumlah pengundi di kawasan luar bandar Sarawak. Lawan antara parti kecil dengan BN in umpama David versus Goliath. Tambahan pula Sarawak bukannya seperti Semenanjung Malaysia yang mempunyai lebuh raya menghubungi kebanyakan bandar-bandarnya. Sarawak masih lagi ketinggalan dalam bidang pembangunan perhubungan. Pengangkutan air dan udara merupakan alternatif bagi kebanyakan penduduk luar bandar berhubung dengan kawasan bandar. Kapit misalnya tidak mempunyai jalan raya yang terus menghubungi bandar Sibu. Penduduknya bergantung kepada jalan air. Oleh itu agak sukar bagi pembangkang menjalankan kempen mereka tanpa mengeluarkan wang yang banyak. Tambah memburukkan keadaan, pihak pembangkang rata-rata tidak mempunyai dana kewangan yang besar. Oleh itu ada sesetengah pihak mengatakan pertembungan BN dan parti pembangkang sebagai persaingan yang tidak seimbang. Keadaan ini ditambah dengan masa singkat<sup>45</sup> berkempen membuat mereka sukar berkempen dengan berkesan di negeri terbesar di Malaysia ini.

Manakala, Keadilan pula sebuah parti nasional dan cuba mengembangkan sayapnya ke Sarawak. Namun jatuh bangun parti ini di Sarawak akan ditentukan oleh rakyat Sarawak sama ada ia terus berkembang ataupun akan senasib dengan parti-parti cendawan yang lain. Manakala DAP mungkin akan tetap bertahan agak lama di Sarawak kerana parti ini mempunyai sejarah yang panjang di Sarawak. Malahan pemimpinnya tidak pernah jemu-jemu untuk melawan BN walaupun sering menghadapi tentangan hebat dari BN. Tambahan lagi DAP juga merupakan parti peringkat nasional yang telah ditubuh sejak tahun 60-an. PAS mungkin menghadapi jalan yang sukar kerana isu Islam yang dibawa oleh parti ini mungkin tidak dapat diterima oleh penduduk bukan Islam. Tambahan lagi majoriti penduduk Islam adalah dalam 25 peratus. Insiden di Sadong Jaya menyaksikan kempen PAS dihalang oleh penduduk Iban untuk terus berkempen di kawasan mereka.<sup>46</sup> Keadaan ini jelas menunjukkan PAS agak sukar untuk mendapat sokongan penduduk pelbagai kaum di Sarawak. PAS memerlukan masa yang lama untuk meraih sokongan penduduk Sarawak. Dalam perkembangan dunia yang sering menyamakan Islam dengan kegiatan pengebom berani mati, maka PAS memikul beban berat bagi memperkukuhkan kedudukannya di Sarawak. Kedudukan PAS semakin berat dengan usaha mengembangkan pengaruhnya kerana ia terpaksa berdepan dengan majoriti penduduk Kristian yang besar.

Jika *trend* ini berterusan masa depan BN negeri mengekalkan kuasa amat cerah. Tambahan seperti dinyatakan tadi BN mempunyai kelebihan dari segi media cetak dan elektronik serta kewangan. Idea pembangunan yang disuarakan oleh pihak kerajaan BN mampu meraih sokongan rakyat tempatan kerana mereka masih memerlukan pembangunan.<sup>47</sup> Hanya menyatakan bahawa pemilihan pembangkang akan membuat penduduk ketinggalan dari aspek pembangunan mampu menyedarkan penduduk luar bandar akan pentingnya pembangunan. Kumpulan ABU pula gagal menggunakan isu Melayu. Malahan PBB masih unggul mendapat sokongan penduduk Melayu. Dengan kata lain Orang Melayu terus menerus memberi sokongan kepada PBB.<sup>48</sup>

Apa yang penting dalam pilihan raya (dan mana-mana pilihan raya di Sarawak), rakyat Sarawak masih lagi bergantung kepada BN. Mereka masih percaya BN sebagai satu-satu parti yang boleh membantu rakyat. Malahan kesungguhan kerajaan BN dalam membantu petani-petani di luar bandar dengan projek penanaman pelbagai jenis tanaman pertanian serta bantuan kewangan dan baja serta nasihat membawa kepada kepercayaan penduduk luar bandar Sarawak. Manakala pembangkang yang datang hanya pada masa pilihan raya tidak membawa impak yang jelas untuk menarik sokongan penduduk ini. Malahan penduduk bandar khususnya Bumiputera masih percaya kepada pihak kerajaan. Mereka mahukan pembangunan lebih pesat di kawasan mereka. Strategi Ketua Menteri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud (Pehin Sri Abdul Taib Mahmud) menerusi idea Politik Pembangunan menunjukkan kesungguhan kerajaan BN untuk membangun negeri Sarawak. Malahan dasar beliau yang senonim dengan apa yang dikatakan oleh Zaini Othman membentuk ideologi *patronaged-democracy* dimana kerajaan akan menyalurkan bantuan pembangunan kepada rakyat menerusi elit-elit politik bagi membentuk 'patron-pembangunan' yang akan mendapat kesetiaan dan sokongan politik rakyat berterusan kepada kerajaan yang memerintah.<sup>49</sup> Sebaliknya pihak pembangkang pula mempunyai isu yang pelbagai dan kadang kala tidak sesuai dengan penduduk tempatan seperti "pengambilan MAS oleh pihak kerajaan, isu mantan Timbalan Perdana Menteri, [Dato' Seri] Anwar Ibrahim dan juga isu kepimpinan Perdana Menteri [Dato' Seri] Mahathir Mohammed". Bagi penduduk Sarawak isu-isu nasional ini belum lagi dapat mereka terima.<sup>50</sup> Ini kerana apa yang mereka mahu ialah apa yang boleh pihak parti bertanding boleh membantu pembangunan mereka. Sudah semestinya mereka berkehendakan pembangunan yang merupakan isu yang dibawa oleh pihak BN.

Generasi tua pula sukar untuk menolak pihak kerajaan BN. BN bagi mereka telah sebatik dalam setiap undi pilihan raya di Sarawak. Jikalau dilihat menerusi sejarah kempen BN (sebelum itu Perikatan Sarawak) berterusan sejak merdeka. Setiap kali BN memberi janji, mereka akan cuba menunaikannya dengan sedaya mungkin. Keadaan ini menunjukkan bagaimana pembangunan fizikal di Sarawak boleh kelihatan di bandar-bandar utama di Sarawak pada hari ini. Oleh itu BN telah menjadi brand yang disukai oleh penduduk dibanding dengan *brand* baru yang tidak tahu lagi baik dan buruknya. Secara tidak langsung amat sukar bagi pihak pembangkang tiba-tiba muncul dan menawar brand mereka sebagai *brand* terbaik. Mungkin hal ini agak sukar bagi golongan tua. Namun bagi generasi baru, peluang untuk menjaja brand mereka masih lagi ada. Oleh itu menurut Datuk Hafsa kehadiran Keadilan hanya menabur benih bukan lagi menuai hasilnya. Sejauhmana atau selama manakah Keadilan boleh menunggu terpulang kepada kekuatan Keadilan mengharungi masa yang tidak menentu.<sup>51</sup> Kebanyakan parti pembangkang tempatan lain tidak bertahan lama dan terkubur. Malahan PERMAS yang dianggotai oleh Datuk Hafsa Harun juga terkubur. Keadilan walaupun parti nasional tetapi sudah banyak juga parti serpihan UMNO tidak bertahan lama. Semangat 46 dan Parti Negara menunjukkan mereka tidak berusia panjang dan terkubur akan kehebatan BN. Namun demikian jikalau dilihat pula PAS yang juga lahir daripada UMNO masih bertahan sehingga ke hari ini. Oleh itu apa yang penting dalam perjuangan sesebuah parti ialah keyakinan untuk terus berjuang dan percaya kepada perjuangan yang dipegangnya walaupun dihentam pelbagai badai seperti yang PAS. Oleh itu konsep perjuangan Keadilan adalah untuk semua kaum. Adakah Keadilan akan diterima oleh penduduk Sarawak daripada pelbagai lapisan latarbelakang pada masa depan? Hanya masa akan menentukan nasib Keadilan ini sama ada menjadi Semangat 46 yang tidak

mampu melawan BN dan menyertai UMNO semula, atau PAS yang mengharungi pelbagai cabaran tetapi tetapi hidup sehingga sekarang.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, pembangkang di Sarawak masih tidak kuat. Mereka gagal mencabar BN. Hanya apabila BN menghadapi masalah, mereka mampu untuk meraih sokongan rakyat. Perkara ini berlaku pada pilihan raya umum 1999 dengan BN menghadapi masalah nasional dan isu pepecahan Melayu dalam pilihan raya tersebut. Dengan kata lain pengundi hanya merajuk seketika dengan BN apabila timbul isu-isu yang mereka tidak senangi. Oleh itu memberi sokongan kepada pembangkang hanyalah sebagai sementara. Lima tahun selepas itu mereka akan kembali kepada BN. Mungkin oleh kita samakan dengan kata-kata Dato' Seri Mahathir bahawa "Melayu Mudah Lupa" yang boleh dikaitkan dengan "Pengundi Mudah Lupa". Dalam hal ini pengundi tidak akan menyimpan "dendam" yang lama untuk kembali kepada BN. Ini kerana BN bagi mereka adalah satu-satu parti yang boleh memberi keamanan, kestabilan, pembangunan dan kemajuan rakyat dan negara. Oleh itu ini merupakan satu cabaran bagi pembangkang untuk mengganti BN. Ketidakpercayaan kepada pembangkang yang kekal juga disebabkan oleh masalah pembangkang. Pembangkang boleh dikatakan gagal menunjukkan mereka boleh memerintah negeri Sarawak. Pepecahan berlaku dalam pakatan pembangkang jelas menunjukkan bahawa pembangkang tidak akan mampu mentadbir negeri Sarawak. Tambahan dengan ketiadaan agenda dan misi penting untuk membangunkan Sarawak menyebabkan pembangkang tidak dilihat begitu serius dalam memimpin negeri Sarawak. Akhir sekali pembangkang gagal melahirkan pemimpin berwibawa (kecuali beberapa orang) juga menutup sokongan terus pengundi bagi terus memberi undi kepada pembangkang. Oleh itu sebelum pembangkang boleh menyaingi BN negeri masalah-masalah seperti ini harus diselesaikan sebelum berusaha memenangi kerusi-kerusi dalam DUN Sarawak.

### **Rujukan**

- Abang Yusuf Puteh 1999, *Malay Politics dan Perabangan*, Shobra Publications Sdn. Bhd., Kuching.
- Chin Ung-Ho 1996, *Chinese Politics in Sarawak: A Study of the Sarawak United People's Party*, Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Jawan, Jayum A, and King, Victor T 2004, *Ethnicity & Electoral Politics in Sarawak*, Penerbit UKM, Bangi.
- Leigh, Michael B 1988, *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*, Antara Book Company, Kuala Lumpur.
- Mohd. Salleh Abas 2006, *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia*, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur.
- Gomez, Edmund Terence, 1996, 'The 1995 Malaysian General Elections: A Report and Commentary', Occasional Paper No.93, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.

## Nota Kaki

- 1 Lihat Mohd. Salleh Abas, 2006, *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia*, Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 208-212.
- 2 Satem, Judith, 1973, 'The Kuching Municipal Elections, 1956,' *The Sarawak Gazette*, Vol. XCIV, No.1383, hlm. 94.
- 3 Lihat Leigh, Michael B. , 1988, *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*, Antara Book Company, Antara Book Company, Kuala Lumpur, hlm. 127-133.
- 4 *Ibid.*, hlm. 86-112.
- 5 Chin Ung-Ho, 1996, *Chinese Politics in Sarawak: A Study of the Sarawak United People's Party*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, hlm. 162.
- 6 Azman Anuar, 1996, "Pilihan Raya Negeri Sarawak Ketujuh: Taib Mahmud Boleh Tidur Lena", *Massa*, Bil.47 Tahun 1, hlm. 20.
- 7 Kumpulan ini dinamakan Kumpulan ABU bagi merujuk kepada kumpulan Abang Abu Bakar dengan mengambil singkatan nama kedua Abang Abu Bakar iaitu Abu.
- 8 Abang Yusuf Puteh, 1999, *Malay Politics & Perabangan Shobra* Publications Sdn. Bhd., Kuching, hlm. 62.
- 9 Jawan, Jayum A, and Victor T. King, 2004, *Ethnicity and Electoral Politics in Sarawak*, Penerbit UKM, Bangi, hlm. 34.
- 10 Datuk Sulaiman Daud mendapat 11,878 undi dan Wan Zainal Abidin mendapat 9008 undi.
- 11 Rohani Karim mendapat 7,955 undi dan calon Keadilan Husaini Hamdan mendapat 6,060 undi.
- 12 *The Borneo Post*, 1 Disember 1999.
- 13 "Kempen jangka panjang 'Selamatkan Tanah Rakyat' dilancarkan," <http://www.berita-keadilan.net/sarawak/news/260901kempenjangkapjg.htm>.
- 14 "Amalan rasuah Taib Mahmud dan kerajaan BN Sarawak," <http://www.berita-keadilan.net/sarawak/news/270901press.htm>.
- 15 *The Borneo Post*, 26 September 2001.
- 16 "Rejim Taib digugat: KeADILan mahu royalti minyak dinaikkan," <http://www.berita-keadilan.net/sarawak/news/260901rejimtaib.htm>.
- 17 *The Borneo Post*, 26 September 2001.
- 18 *The Borneo Post*, 28 September 2001.
- 19 *Detik*, [http://detik.tripod.com/ogosa/18ogos\\_5.htm](http://detik.tripod.com/ogosa/18ogos_5.htm)
- 20 Kawasan yang dinyatakan adalah Nangka, Serdeng, Beting Maro, Kedup, Pandungan, Bengoh, Kidurong, Balleh, Batang Ai dan Pakan.
- 21 Sebelum DAP keluar dari BA.
- 22 *The Borneo Post*, 4 Mac 2001.
- 23 *The Borneo Post*, 18 September 2001.
- 24 *The Borneo Post*, 12 Ogos 2001.
- 25 *The Borneo Post*, 25 September 2001.
- 26 Siah mendapat 756 undi berbanding calon BN mendapat 11,625 dan Keadilan 4,237.
- 27 *The Borneo Post*, 29 September 2001.
- 28 *The Borneo Post*, 7 Ogos 2001.
- 29 *The Borneo Post*, 26 September 2001.
- 30 Ghazali Mayudin dan Nidzam Sulaiman, "Politik Cina Dalam Pilihan raya Negeri Sarawak 2001", Kertas Kerja, Borneo Research Council 7<sup>th</sup> Biennial International Conference, 15-18 July 2002, Universiti Malaysia Sabah.

- 31 Peristiwa 11 September 2001 merupakan detik hitam dalam Sejarah Amerika Syarikat apabila kapal terbang penumpang awam merempuh *World Trade Centre Towers* di New York dan Pentagon di Washington. Detik itu dikatakan oleh pihak Amerika Syarikat sebagai serangan penganas orang Islam.
- 32 *The Borneo Post*, 25 September 2001.
- 33 *Sarawak Tribune*, 21 September 2001.
- 34 Sebagai contohnya apabila PBDS keluar daripada BN negeri pada tahun 1987, BN negeri masih lagi dapat bertahan walaupun diancam dengan isu-isu Dayakism dan kumpulan serpihah PBB dalam PERMAS. Lihat Ritchie, James, 1987, *Sarawak: Kemenangan Bermanuah*, Pelanduk Publication Petaling Jaya.
- 35 Nidzam Sulaiman dan Sabihah Osman, "Survival Melayu-Muslim dalam Politik Sarawak: Refleksi dari Keputusan Pilihan raya Negeri 2001", Kertas Kerja, Borneo Research Council 7<sup>th</sup> Biennial International Conference, 15-18 July 2002, Universiti Malaysia Sabah..
- 36 *The Borneo Post*, 29 September 2001.
- 37 *The Borneo Post*, 29 September 2001.
- 38 *The Borneo Post*, 24 September 2001.
- 39 *The Sarawak Tribune*, 24 September 2001.
- 40 *The Sarawak Tribune*, 4 September 2001.
- 41 Suffian Mansor, 1995, *Sejarah Pembentukan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (1959-1974)*, Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Namun usaha membawa UMNO ke Sarawak diteruskan oleh Abang Mustapha tetapi akibat kematian beliau, usaha ini tidak diteruskan oleh pemimpin Parti Negara Sarawak ketika itu.
- 42 *The Sarawak Tribune*, 18 Jun 1963.
- 43 Gomez, Edmund Terence, 1996, 'The 1995 Malaysian General Elections: A Report and Commentary', Occasional Paper No.93, Institute of Southeast Asian Studies, Pasir Panjang, hlm.45.
- 44 Mohd. Faisal Syam Abdol Hazis, "Komunikasi Politik di Sarawak: Kajian Kempen Pilihan raya DUN Sarawak 2001", Kertas Kerja, Borneo Research Council 7<sup>th</sup> Biennial International Conference, 15-18 July 2002, Universiti Malaysia Sabah.
- 45 Ghazali dan Nidzam, "Politik Cina Dalam Pilihan raya Negeri Sarawak 2001", hlm.6.
- 46 *The Borneo Post*, 26 September 2001.
- 47 Mohd. Faisal Syam Abdol Hazis, Nelson Ilan Mersat dan Ahi Sahok, 2002, *Tingkah Laku Pengundian Dalam Pilihan Raya Parlimen Sarawak*, UNIMAS, Kota Samarahan, hlm. 19 – 20.
- 48 Jawan and King, *Ethnicity and Electoral Politics in Sarawak*, hlm.35.
- 49 Zaini Othman, "Pilihan raya dan Pendemokrasian: Satu Analisis Pilihanraya DUN Sarawak 2001", Kertas Kerja, Borneo Research Council 7<sup>th</sup> Biennial International Conference, 15-18 July 2002, Universiti Malaysia Sabah..
- 50 Mohd. Faisal, "Komunikasi Politik di Sarawak: Kajian Kempen Pilihan raya DUN Sarawak 2001".
- 51 Kenyataan Hafsa Harun ini mula menampakkan kenyataan apabila Keadilan (selepas itu dikenali sebagai Parti Keadilan Rakyat – PKR) memenangi satu kerusi pada pilihan raya negeri 2006. Lihat Laporan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sarawak Yang Kesembilan 2006, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.